

# Ahli Umno matang pilih pemimpin

BH 21 MAR 2000

KOTA KINABALU, 2000  
- Ahli Umno cukup matang membuat sebarang pendirian dan mempraktikkan demokrasi dalam pemilihan pemimpin parti.

Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata ahli Umno sentiasa sedar sebarang perkembangan dalam parti khususnya perkara berkaitan proses pemilihan pemimpin.

"Oleh itu, kita perlu menyerahkan kepada ahli Umno untuk memilih pemimpin yang difikirkan mampu memastikan perjuangan parti dalam menjaga kepentingan bangsa dan negara," katanya selepas menyampaikan syarahan 'Hubungan Antarabangsa Dalam Era Globalisasi: Peranan Sabah' di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, bahawa ada usaha untuk menghalang pencalonan beliau daripada Bahagian di Johor bagi jawatan Naib Presiden.

Syed Hamid yang turut menawarkan diri bertanding Naib Presiden, berkata presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah menasihatkan Muhyiddin dan perkara itu kini sudah dianggap selesai.

Justeru, katanya, semua pihak perlu akur dengan keputusan berkenaan.

Mengenai pencalonan yang diterimanya setakat ini, beliau mengucapkan terima kasih kepada bahagian yang mencalonkannya.